

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9399

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kapasiti jumlah banduan setiap penjara di Malaysia, serta jumlah banduan pada tarikh kini di dalam setiap penjara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kapasiti banduan bagi seluruh penjara di Malaysia adalah seramai 45,310 orang. Manakala statistik Jabatan Penjara pada 4 Oktober 2016 menunjukkan jumlah banduan di seluruh penjara di Malaysia adalah seramai 51,602 orang.

Jesteru, bagi menangani isu jumlah banduan yang melebihi kapasiti sesebuah penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;**
- (ii) mempergiatkan pelaksanaan *Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib* dan *Pusat Pemulihan Pemasyarakatan* yang mana kini telah melibatkan seramai 38,391 orang banduan menjalani pemulihan di luar penjara;**
- (iii) meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;**
- (iv) mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan**

- (v) meningkatkan kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
TARIKH : 17.11.2016
SOALAN : NO. 31

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan konkrit dan tindakan Kerajaan untuk meningkatkan kedudukan universiti tempatan di *Times Higher Education World University* ranking selaras dengan wawasan negara menjadi pusat pendidikan pengajian tinggi di rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem penarafan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa seperti *QS World University Rankings* (QSWUR), *Times Higher Education World University Rankings* (THE), US News dan *Shanghai Academic Ranking of World Universities*. QSWUR menyediakan perspektif yang lebih luas seperti ranking bersifat serantau, ranking untuk subjek/bidang dan ranking untuk universiti baharu yang lebih bertepatan dengan aspirasi dan perancangan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Manakala kriteria yang dinilai di dalam sistem ranking THE adalah mengambil kira penajaan dari industri-inovasi; reputasi antarabangsa; pengajaran dan persekitaran pembelajaran; penyelidikan (bilangan, pendapatan dan reputasi) dan sitasi.

Pelbagai usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memperbaiki dan memperkukuhkan ranking UA tempatan. Antaranya, ialah menanda aras dengan universiti di negara yang mempunyai pemetaan sosio-ekonomi dan sosio-budaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti universiti di Korea Selatan, Thailand dan Singapura. Selain itu, KPT turut menyerlahkan bidang tujahan dan bidang kecemerlangan di UA agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan bertaraf antarabangsa, di samping terus-menerus memperkasakan Universiti Penyelidikan melalui pemantapan pembelajaran dan pengajaran, jaringan industri dan komuniti di UA serta aktiviti penyelidikan dan penerbitan yang dapat membantu menjana pendapatan UA.